



27 Disember 2016
27 December 2016
P.U. (A) 364

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PENGENAAN CUKAI BAGI PEMBEKALAN BERKENAAN DENGAN KAWASAN DITETAPKAN) (PINDAAN) (NO. 2) 2016

*GOODS AND SERVICES TAX (IMPOSITION OF TAX FOR
SUPPLIES IN RESPECT OF DESIGNATED AREAS)
(AMENDMENT) (NO. 2) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(PENGENAAN CUKAI BAGI PEMBEKALAN BERKENAAN DENGAN KAWASAN
DITETAPKAN) (PINDAAN) (NO. 2) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 160(1) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengenaan Cukai bagi Pembekalan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) (Pindaan) (No. 2) 2016.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengenaan Cukai bagi Pembekalan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) 2014 [P.U. (A) 187/2014] dipinda dalam perenggan 2—

- (a) dalam subperenggan (a), dengan memotong perkataan “ke atau”;
- (b) dalam subperenggan (e), dengan memotong perkataan “ke atau”; dan
- (c) dalam subperenggan (f)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pembekalan” dengan perkataan “pengimportan”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “ke kawasan ditetapkan atau pengimportan barang itu”.